



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

Tingkat 22 Menara Safuan, No. 80 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

No. Tel : 03-20723802 No. Faks : 03-20723804

SYARAT – SYARAT TAMBAHAN PELESENAN – HOTEL / RUMAH TUMPANGAN

Pelesen / Pengusaha hotel / rumah tumpangan dikehendaki mematuhi syarat – syarat seperti berikut:-

1. **FEE LESEN**

Fee lesen seperti di lampiran 1 hendaklah dijelaskan.

2. **WANG CAGARAN**

Pelesen / Pengusaha juga dikehendaki menjelaskan wang cagaran berjumlah RM 2000.00 dalam bentuk tunai / draf atau jaminan bank.

Sekiranya terdapat sejumlah wang cagaran dirampas oleh pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana pelanggaran syarat-syarat pelesenan, sejumlah wang yang dirampas itu hendaklah dibayar balik dalam masa seminggu.

3. **MEMPAMERKAN LESEN**

Lesen hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa.

4. **KEBERSIHAN PREMIS / BANGUNAN DAN KELENGKAPAN / PERALATAN**

Premis / bangunan hendaklah disedia / dilengkapi dengan kemudahan penginapan dan kebersihan yang sesuai, mencukupi dan selamat, yang tidak boleh mengganggu / mengancam keselesaan pelanggan.

Memastikan bilangan bilik mandi dan tandas mencukupi dan dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang bersih, sempurna dan selamat digunakan. Bilik mandi dan tandas juga hendaklah sentiasa bersih setiap masa.

Semua taman, halaman kawasan lapang dan kawasan letak kereta yang menjadi sebahagian dari kawasan hotel/ rumah tumpangan hendaklah dijaga bersih pada setiap masa.

Kebersihan dan keindahan premis/ bangunan sama ada di bahagian / ruang luar atau dalam premis / bangunan hendaklah sentiasa dijaga bersih dengan membaiki/ membaik pulih, mengecat atau mengganti bahagian yang rosak, buruk atau pudar supaya kelihatan baik dan menarik.

5. **PENCAHAYAAN**

Pengusaha hendaklah memastikan setiap bilik hotel/ penginapan mempunyai ruang cahaya dan udara yang mencukupi dan lampu-lampu yang terang.

6. **KESELAMATAN / HALANGAN**

Pengusaha hendaklah memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi pada setiap masa. Peralatan-peralatan bomba termasuk bilangan pemadam api yang mencukupi dan loceng amaran kecemasan sentiasa dalam keadaan baik, dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

Pengusaha juga hendaklah memastikan pelanggan tidak menyimpan bahan-bahan yang merhabaya / toksik atau yang mudah terbakar di dalam bilik.

Stor simpanan bahan / barangan kelengkapan berada dalam keadaan selamat dan bersih.